



**DASAR UTAMA  
JABATAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN  
DAN PENYELIDIKAN (DIDR)**

Jabatan Pembangunan Perindustrian & Penyelidikan (DIDR)  
Tingkat 7 & 8, Blok C, Wisma Tun Fuad Stephens  
88300 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
URL: <http://www.didr.sabah.gov.my>  
Tel: +6-088-214866, 215035, Faks: +6-088-257814, 216698  
E-mel: [didr@sabah.gov.my](mailto:didr@sabah.gov.my)

Jabatan Pembangunan Perindustrian & Penyelidikan (DIDR)  
Tingkat 7 & 8, Blok C, Wisma Tun Fuad Stephens  
88300 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Tel: +6-088-214866, 215035, Faks: +6-088-257814, 216698  
E-mel: [didr@sabah.gov.my](mailto:didr@sabah.gov.my)

09 Ogos 2018

Nota

Jabatan Pembangunan Perindustrian & Penyelidikan (DIDR)  
Tingkat 7 & 8, Blok C, Wisma Tun Fuad Stephens  
88300 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Tel: +6-088-214866, 215035, Faks: +6-088-257814, 216698  
E-mel: [didr@sabah.gov.my](mailto:didr@sabah.gov.my)

09 Ogos 20178

**8.3. Program Khidmat Industri**

- a. Mengadakan mesyuarat ICC setiap bulan bagi memastikan permohonan dapat dipertimbangkan oleh ICC secepat mungkin agar dapat menarik lebih banyak pelaburan ke Sabah selain mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan;
- b. Mengadakan sesi taklimat & mesyuarat DIIU di setiap daerah khususnya bagi daerah-daerah yang menghadapi masalah pelaksanaan kilang yang telah diluluskan;
- c. Menjalankan kajian pasaran domestik dan global bagi membantu mengembangkan kapasiti kilang-kilang yang wujud serta membantu meningkatkan daya saing;
- d. Membangunkan ICT, laman web dan GIS DIDR bagi mempertingkatkan lagi penggunaan ICT untuk kemudahan pelabur;
- e. Menjalankan tugas-tugas pemudahcaraan/'handsholding' bagi kilang-kilang yang menghadapi masalah pelaksanaan; dan
- f. Memantau pelaksanaan kilang-kilang yang telah diluluskan menerusi soal-selidik dan lawatan kilang.

**8.4. Program Pembangunan IKS/SDSI**

Untuk melaksanakan program ini, program yang dijalankan adalah:-

- a. Penyediaan Kursus Teknologi yang tertentu; dan
- b. Menjalankan aktiviti promosi dan pemasaran dalam dan luar negeri.

~~~~~

**A. MAKLUMAT ORGANISASI**

|                    |   |
|--------------------|---|
| 1. Nama Organisasi | 1 |
| 2. Visi            | 1 |
| 3. Misi            | 1 |
| 4. Objektif        | 1 |
| 5. Fungsi Utama    | 1 |

**B. MAKLUMAT DASAR**

**6. DASAR**

|                                                                                                     |   |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
| 6.1 Dasar Utama/Dasar Perindustrian - Peringkat Negeri                                              | 2 |
| 6.2 Dasar-Dasar Sokongan                                                                            | 2 |
| 6.2.1 Dasar Promosi Pelaburan                                                                       | 2 |
| 6.2.2 Dasar Kajian dan Penyelidikan                                                                 | 2 |
| 6.2.3 Dasar Khidmat Industri                                                                        | 2 |
| a) Jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian Negeri (ICC)                                             | 2 |
| b) Unit Pelaksanaan Industri Daerah (DIIU)                                                          | 3 |
| c) Dasar Penyelesaian Masalah Pelaksanaan Projek Pelaburan                                          | 3 |
| d) ICT                                                                                              | 3 |
| 6.2.4 Dasar Peningkatan Keupayaan (Capacity Building) Perusahaan/Industri Kecil dan Sederhana (IKS) | 3 |

**7. STRATEGI PELAKSANAAN DASAR**

|                                                         |   |
|---------------------------------------------------------|---|
| 7.1 Promosi Pelaburan                                   | 4 |
| 7.2 Kajian dan Penyelidikan                             | 4 |
| 7.3 Khidmat Industri                                    | 4 |
| a. Jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian Negeri (ICC) | 4 |
| b. Unit Pelaksanaan Industri Daerah (DIIU)              | 4 |
| c. Penyelesaian Masalah Pelaksanaan Projek Pelaburan    | 4 |
| d. ICT                                                  | 4 |
| 7.4 Peningkatan Keupayaan Pengusaha IKS                 | 4 |

**8. PROGRAM DAN PROJEK BAGI MEREALISASIKAN STRATEGI**

|                                     |   |
|-------------------------------------|---|
| 8.1 Program Promosi Pelaburan       | 5 |
| 8.2 Program Kajian dan Penyelidikan | 5 |
| 8.3 Program Khidmat Industri        | 6 |
| 8.4 Program Pembangunan SME/SDSI    | 6 |

## 8. PROGRAM DAN PROJEK BAGI MEREALISASIKAN STRATEGI

### SINGKATAN

|      |   |                                                    |
|------|---|----------------------------------------------------|
| CIO  | - | Chief Information Officer                          |
| DIDR | - | Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan |
| DIIU | - | District Industry Implementation Unit              |
| GIS  | - | Geographical Information System                    |
| ICC  | - | Industrial Coordination Committee                  |
| ICT  | - | Information Communication Technology               |
| FML  | - | Federal Manufacturing License                      |
| SGA  | - | State Government Approval                          |
| SDSI | - | Satu Daerah Satu Industri                          |
| SME  | - | Small and Medium Enterprises                       |

### 8.1. Program Promosi Pelaburan

Untuk menggalakkan pelaburan di Sabah, khususnya dalam sektor pembuatan, DIDR mendedahkan kepada para pelabur, maklumat-maklumat tentang dasar, kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang pelaburan di Sabah. Pendedahan ini dibuat melalui cara-cara berikut:-

- Penerbitan buku-buku panduan pelaburan;
- Mengatur/menyelarar misi pelaburan ke luar negeri;
- Menyelaras lawatan pelaburan dari luar negeri;
- Memberi taklimat peluang-peluang pelaburan; dan
- Menganjur dan menyelarar penganjuran pameran pelaburan dan perdagangan.

### 8.2. Program Kajian Dan Penyelidikan

Bagi merealisasikan strategi kajian dan penyelidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan menyediakan hasil-hasil kerja dan rumusan tentang semua kajian dan penyelidikan yang telah dilaksanakan. Aspek penyelidikan merangkumi perkara-perkara seperti berikut:-

- Menjalankan dan menyelarar kajian serta penyelidikan ke atas industri-industri yang berpotensi untuk dimajukan atau diusahakan;
- Mengkaji dan meneliti cadangan-cadangan pelaburan yang dikemukakan pelabur;
- Menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan dengan usaha meningkatkan pembangunan perindustrian di Negeri Sabah seperti penyediaan pelan perniagaan untuk pelaburan dan menyelarar/memantau kajian-kajian yang dijalankan oleh Konsultan Swasta;
- Menganjurkan seminar/forum/bengkel perindustrian tentang hasil sesebuah kajian atau penyelidikan;
- Bertindak sebagai Ahli Majlis Standard Malaysia;
- Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Industri (JBI) sekali dalam setahun; dan
- Menjalankan kajian-kajian tentang Iklim Pelaburan di Sabah dari semasa ke semasa; Rantaian Pembekalan Perkilangan Sabah; Isu-Isu Ekonomi termasuk perniagaan dan perdagangan; Petunjuk-Petunjuk Ekonomi (Indeks Situasi Perniagaan Sabah) serta dasar-dasar kerajaan yang relevan.

7. **STRATEGI PELAKSANAAN DASAR**

7.1. **Promosi Pelaburan**

Bahagian Promosi Pelaburan bertanggungjawab untuk menarik pelaburan luar dan dalam negeri ke sektor perkilangan di Sabah. Di samping itu, Bahagian Promosi Pelaburan juga bertanggungjawab menganjurkan penyertaan ke ekspo-ekspo dalam dan luar negeri untuk menggalakkan eksport produk-produk buatan Sabah.

7.2. **Kajian dan Penyelidikan**

Program kajian dan penyelidikan dikendalikan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan bagi mempertingkatkan pembangunan sektor perindustrian di Sabah.

7.3 **Khidmat Industri**

a. **Jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian Negeri (ICC)**

Urusetia ICC dikendalikan oleh Bahagian Khidmat Industri dengan tugas-tugas utama sebagai menerima, menilai dan memproses permohonan-permohonan projek perkilangan untuk dipertimbangkan di mesyuarat bulanan ICC.

b. **Unit Pelaksanaan Industri Daerah (DIIU)**

Urusetia DIIU dikendalikan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Cawangan Sabah dan Bahagian Khidmat Industri secara bersama atau 'Joint Secretariat'. DIIU yang dipengerusikan oleh Mayor/Presiden/Pegawai Daerah yang bertanggungjawab menyelaras, memantau masalah dan mencari penyelesaian tentang masalah-masalah pelaksanaan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang telah diluluskan.

c. **Penyelesaian Masalah Pelaksanaan Projek Pelaburan**

Memantau pelaksanaan projek pelaburan dan kilang-kilang yang telah diluluskan menerusi 'handholding' dan DIIU untuk menyelesaikan dan mengatasi masalah yang dihadapi.

d. **ICT**

Menjalankan tugas sebagai CIO dan membangun ICT, Laman Web dan GIS dengan bantuan pegawai-pegawai daripada KSIT.

7.4 **Peningkatan Keupayaan Pengusaha IKS**

Dasar ini dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan IKS/SDSI & Kerjasama Serantau.

**DASAR UTAMA  
JABATAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN PENYELIDIKAN (DIDR)**

**A. MAKLUMAT ORGANISASI**

1. **NAMA ORGANISASI:**

Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (DIDR)

2. **VISI**

Menjadi agensi peneraju dalam menggalakkan pembangunan sektor perindustrian di Negeri Sabah.

3. **MISI**

Menggalakkan pembangunan sektor perindustrian menerusi pembangunan industri kecil dan sederhana, promosi pelaburan, kajian dan khidmat industri.

4. **OBJEKTIF**

Membantu memajukan Negeri Sabah menerusi pembangunan sektor perindustrian.

5. **FUNGSI UTAMA**

1. Mempromosikan pelaburan asing dan domestik di Negeri Sabah, terutama dalam sektor perkilangan;
2. Menjalankan kajian-kajian tentang Iklim Pelaburan di Sabah dari semasa ke semasa; Rantaian Pembekalan Perkilangan Sabah; Isu-Isu Ekonomi termasuk perniagaan dan perdagangan; Petunjuk-Petunjuk Ekonomi (Indeks Situasi Perniagaan Sabah) serta dasar-dasar kerajaan yang relevan;
3. Memproses permohonan lesen dan kelulusan untuk mendirikan projek perkilangan di Sabah;
4. Membantu menyelesaikan masalah pelaksanaan projek-projek pelaburan; dan
5. Menjalankan aktiviti bagi meningkatkan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

**B. MAKLUMAT DASAR**

**6. DASAR**

**6.1 Dasar Utama/Dasar Perindustrian - Peringkat Negeri**

Mewujudkan industri perkilangan di Sabah yang maju, berdaya saing serta berkekalan yang menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negeri dan seterusnya peningkatan taraf hidup rakyat.

**6.2. Dasar-Dasar Sokongan**

**6.2.1. Dasar Promosi Pelaburan**

**Objektif/Matlamat Dasar**

Menggalakkan pelaburan dari luar dan dalam negeri ke sektor pembuatan supaya meningkatkan pertumbuhan sektor tersebut dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

**6.2.2. Dasar Kajian Dan Penyelidikan**

**Objektif/Matlamat Dasar**

Melalui kajian dan aktiviti penyelidikan, projek-projek industri yang berpotensi dapat dikenalpasti untuk diusahakan secara komersil di Negeri Sabah.

**6.2.3. Dasar Khidmat Industri**

**a. Jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian Negeri (ICC)**

**Objektif/Matlamat Dasar**

Menyelaras pembangunan projek-projek perkilangan menerusi pemberian Kelulusan Kerajaan Negeri (SGA) atau sokongan untuk Lesen Pengilang Persekutuan (FML).

**b. Unit Pelaksanaan Industri Daerah (DIU)**

**Objektif/Matlamat Dasar**

Menyelaras pelaksanaan projek-projek perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan serta mengenalpasti dan mengambil tindakan terhadap masalah kelewatan pelaksanaan projek dan program perindustrian dan perkhidmatan di peringkat daerah atau PBT agar pelaksanaan projek-projek perkilangan dan perkhidmatan yang telah diluluskan dapat dipercepatkan.

**c. Dasar Penyelesaian Masalah Pelaksanaan Projek Pelaburan**

**Objektif/Matlamat Dasar**

Mengenalpasti serta mengambil tindakan terhadap masalah-masalah yang berkaitan dengan pelaburan supaya pelaksanaan projek lebih teratur, sempurna, cekap dan efektif.

**d. ICT**

**Objektif/Matlamat Dasar**

Menyelaras pembangunan ICT, pengemaskinian laman web dan pembangunan GIS DIDR.

**6.2.4. Dasar Peningkatan Keupayaan (Capacity Building) Perusahaan/Industri Kecil dan Sederhana (IKS)**

**Objektif/Matlamat Dasar**

Meningkatkan keupayaan pengusaha dari segi penyertaan dalam industri, pembuatan produk/barangan, pengurusan perniagaan, pemasaran dan pengetahuan.